

# Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini. Kepada siapa yang meminatinya, silalah pula menyuntingnya.

Text

## Semasa Imam al-Shafi‘ī Menuntut

Kata Imam al-Shafi‘ī: “Sewaktu saya kecil, saya seorang anak yang yatim, dibela oleh ibu saya yang miskin pula. Saya telah diserahkan mengaji kepada seorang guru. Tuan guru tersebut telah rela mengajar saya dengan tidak ada menerima apa-apa dari ibu saya sebagai upahnya. Hanya menyuruh saya menjaga rumahnya semasa beliau berpergian. Setelah saya hafal Qur’an, saya pergi ke masjid. Di sana saya menghadiri majlis-majlis ulama untuk mempelajari ilmu-ilmu hadith dan menghafalnya, juga mempelajari berbagai-bagai masalah. Rumah kami terletak di kampung Khaif di Kota Mekah. Dewasa itu saya terlampau sangat miskin, sehingga tidak mempunyai wang untuk membeli<sup>1</sup> kertas. Saya terpaksa menulis pelajaran saya di atas keping-keping tulang kerana banyaknya keping-keping tulang itu, saya longgokkan dalam takar-takar yang besar.”

\* \* \*

## Menghormati Ilmu dan Menghargai Budi

Imam al-Shafi‘ī terkenal dengan banyaknya ilmunya, kerana itu di mana-mana sahaja beliau dihormati orang kerana menghormati ilmunya. Dalam pada itu beliau tidak pula menyombongkan diri, bahkan selalu menghargai setiap budi yang diberikan orang kepadanya. Pada suatu hari, beliau pergi bersama khadamnya ke pasar mengenderai keldai.

Tiba-tiba di tempat orang menjual kasut, cabuknya telah terjatuh dan terlepas dari tangannya. Salah seorang budak di kedai itu telah melompat memungut cabuk tersebut, lalu dikesat-kesatnya dengan lenggan bajunya, kemudian diberikannya kepada Iman Shafi‘ī dengan hormatnya, Imam Shafi‘ī telah menerimanya dengan berterima kasih sambil berkata kepada khadamnya: “Berikan wang dinar yang ada padamu semua kepada budak ini.” Maka khadam itu pun memberikan kepada budak itu wang dinar semuanya berjumlah 9 dinar banyaknya, sebagai balasan budi budak itu.

\* \* \*

## Penghargaan Ulama Terhadap Ilmu

Imam Abū Hanīfah salah seorang besar ulama mazhab yang empat. Beliau sangat menghargakan kemuliaan ilmu. Ketika anaknya bernama “Hamād” telah pandai membacakan *Sūrah al-Fātiḥah* dari awal hingga akhir, beliau telah menghadiahkan kepada guru mengaji yang mengajarkan anaknya sejumlah wang banyaknya 500 dirham, kata setengah riwayat pula banyaknya 1000 dirham.

Maka berkatalah guru mengaji itu kepada beliau: “Apakah sudah saya lakukan, sehingga tuan menghantarkan kepada saya wang yang begini banyak?”

Beliau menjawab:”Janganlah tuan memandang rendah

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah membeli

kepada apa yang tuan telah ajarkan kepada anak saya. Demi Allah!  
Seandainya saya mempunyai lebih dari ini, nescaya  
akan kami berikan kepada tuan, sebagai menghormati akan  
al- Qur'ān.”

\* \* \*

### **Penghormatan Raja Kepada Ilmu dan Pemiliknya**

Adalah diceritakan, tatkala raja Harūn al-Rashīd  
sampai ke Madinah – di mana Imam Mālik berada di sana – beliau  
tahu bahwa Imam Mālik adalah seorang ulama besar yang  
mempunyai kitab hadith bernama “*al-Muwattā*” yang menjadi  
memcaan<sup>2</sup> penuntut-penuntut ilmu dewasa itu untuk mereka pelajari.

Raja atau khalīfah tersebut ingin hendak mempelajarinya.  
Lalu diutus salah seorang utusan kepada Imam Mālik  
supaya menghantarkan naskah kitab itu kepadanya dan  
mengajarkannya.

Maka berkatalah Imam Mālik kepada utusan khalīfah  
itu dengan katanya: “Sampaikan salam saya kepada *Amīr*  
*al-Mu'minīn*! Dan katakan kepada beliau; bahawa ilmu itu  
dituntut (dicari) oleh penuntut-penuntut itu sendiri,  
bukannya ilmu itu yang akan mendatang kepada mereka.”

Kemudian tak berapa lama Imam Mālik telah pergi  
mendapatkan khalīfah, di sana khalīfah telah bertanya kepadanya:  
“Saya hantarkan utusan kepada tuan, mengapa tuan  
salahi?”

Imam Malik menjawab: “Saya ingin supaya  
*Amīr al-Mu'minīn* mempertingkatkan darjat ilmu dan memuliakannya,  
semoga Allah akan mempertinggikan pula darjat tuanku.”

Maka pergilah khalīfah berjalan bersama-sama Imam  
Mālik ke rumahnya untuk mempelajari kitab “*al-Muwattā*”.

Sesampainya di rumah Imam tersebut, penuntut  
telah banyak menunggu gurunya untuk mengambil  
pelajarannya lalu Imam Malik telah mendudukkan khalīfah  
di atas pentas tempat mengajar supaya duduk bersama  
dengannya.

Tiba-tiba tatkala Imam hendak memulakan pengajarannya,  
beliau berkata kepada khalīfah: “Wahai *Amīr al-Mu'minīn*,  
saya dapati orang-orang berilmu di negeri kami sesungguhnya  
mereka itu adalah sangat-sangat ingin merendahkan diri  
kepada ilmu.”

Bila kata-kata itu selesai diucapkan olehnya, maka  
khalīfah itu pun bangun lalu turun dari atas pentas,  
dan duduk bersama-sama dengan penuntut-penuntut menghadap kepada  
guru yang mengajar mereka.

\* \* \*

### **Imam Shafi'ī dengan Imam Ahmad bin Hanbal (Hanbali)**

Imam Ahmad bin Hanbal sangat menghormati Imam  
Shafi'ī, selalu disebut-sebut dan selalu dipujinya  
kerana kelebihannya dan banyak ilmunya. Beliau mempunyai seorang  
anak perempuan yang soleh, tekun sembahyang di malam hari  
dan puasa di waktu siangnya. Suka mendengarkan kisah  
orang-orang soleh yang baik-baik. Anak perempuan tersebut  
sangat ingin hendak melihat Imam Shafi'ī, kerana ayahnya  
sangat menghormatinya. Pada suatu malam Imam Shafi'ī telah  
menepati janjinya untuk bermalam di satu malam di rumah  
sahabatnya yang sangat menghormatinya itu.

Kedatangan Imam Shafi'ī itu sangat mengirangkan  
hati anak perempuan Imam Ahmad bin Hanbal, kerana  
dapatlah ia nanti melihat perbuatan Imam itu dan mendengar  
perkataan-perkataannya yang berharga.

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya ialah bacaan

Bila hari telah malam, Imam Ahmad telah menghabiskan waktunya untuk sembahyang dan berzikir, tetapi Imam Shafi'ī telah menghabiskan masanya dengan tidur sahaja, yang mana semuanya itu telah diperhatikan oleh anak perempuan tersebut sampai fajar menyingsing.

Si anak telah bertanya kepada ayahnya: “Saya lihat ayah memuliakan Imam Shafi'ī, walhal saya tak lihat dianya ada mengerjakan sembahyang malam, tidak pula berzikir apa lagi membawa wirid, pada malam semalam.”

Kemudian, setelah duduk-duduk Imam Ahmad dengan Imam Shafi'ī ditanyakannya tamunya itu: “Apa khabar tuan semalam?” Dijawab oleh Imam Shafi'ī dengan katanya: “Saya tak pernah mendapati satu malam yang begitu baik, begitu berkat dan begitu untung saya, seperti malam semalam.”

“Bagaimanakah yang demikian itu?” Tanya Imam Ahmad.

Jawab Imam Shafi'ī “Kerana pada malam tadi saya telah dapat menyusun sebanyak 100 buah masalah dalam saya menelentang, semua masalah-masalah itu untuk faedah umat Islam.”

Setelah kedua sahabat itu berpisah, maka berkatalah Imam Ahmad bin Hanbal kepada anak perempuannya dengan katanya: “Itulah dia yang dikerjakan oleh Imam Shafi'ī semalam. Pekerjaan yang dilakukannya sedang ia tidur itu, lebih utama dari pekerjaan yang ayah sendiri lakukan walhal dengan berdiri<sup>3</sup> jaga.”

\* \* \*

#### Seruan Berusaha

Ketika Nabi (S.A.W) ditanya orang, usaha apakah yang sebaik-baiknya? Baginda menjawab ‘*Amila ar-rijali biyadihi wakullu*

*bay'a mabrūr*’ ertinya, “Pekerjaan yang dilaksanakan orang dengan tanganya sendiri, dan tiap-tiap berjual beli yang bersih (tiada tipuan).”

Dan tatkala datang seorang lelaki suku Quraisy kepada Nabi (S.A.W) meminta harta, maka orang itu pun diberinya harta, seraya dengan sabdanya *al-yadu al-'ulyā khayru min al-yadi as-suflā*” ertinya “Tangan yang di atas lebih baik dari tangan yang di bawah”. Maksudnya orang yang suka meminta-minta kepada manusia itu kurang baik. Maka semenjak itu orang itu tidak meminta-minta lagi kepada orang, dan dia terus mencari kerja, sehingga Allah takdirkan dia kaya mendapat harta yang halal.

Sabda Nabi (S.A.W): “*man ṭalaba ad-dunyā ti'afāfān 'ani al-maslaḡi wa sa'iyān 'alā wa 'iyalihi ta'aṭafān 'alā jarihi laqi Allah wawajhahu ka al-qamara laylaṭan al-badr*” ertinya “Siapa mencari dunia untuk mendapatkan harta yang halal, meninggalkan kerja meminta-minta, berusaha mencarikan sara hidup orang-orang yang menjadi tanggungannya, dan lemah-lembut pekertinya terhadap jiran-jirannya nescaya dia (di akhirat kelak) dapat menemui Allah – sedang mukanya laksana bulan purnama di malam terang bulan.”

Sabdanya lagi “*innaLlah yuhibbu al-'abdu yattakhadhi al-mihnaṭ yastaghni bihā 'ani al-nās*” ertinya: “Sesungguhnya Allah mengasihi hamba yang mencari pekerjaan supaya dengan pekerjaan itu, dia tidak mengharapkan pada orang.”

Sabdanya yang lain lagi “*innaLlah yuhibbu al-mu'minu al-mukhtaraf*” ertinya: “Sesungguhnya Allah itu mengasihi orang mukmin yang mencari mata pencarian.”

\* \* \*

(Sambungan ke muka 30)

<sup>3</sup> Teks kabur. Perkataan sebenarnya ialah berdiri